

14/01/2001

Fahaman politik wajar diketepikan

KOTA TINGGI: Perbincangan perpaduan Melayu antara Umno dengan Pas perlu dilakukan secara ikhlas dengan menyetepikan fahaman politik masing-masing, kata Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata, perbincangan itu perlu menjurus kepada penyatuan semula orang Melayu yang jika dibiarkan akan turut menjejaskan kaum lain di negara ini.

"Oleh kerana orang Melayu sebagai penduduk majoriti, mereka perlu bersatu untuk memberi kekuatan kepada bangsa lain.

"Dengan ada perbincangan secara ikhlas dari hati ke hati, ia akan dapat merapatkan semula perpaduan orang Melayu yang mula retak disebabkan fahaman politik masing-masing," katanya diminta mengulas hasil mesyuarat MT, kelmarin.

Selepas mesyuarat itu, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipetik berkata, MT Umno bersetuju mengadakan pertemuan dengan Pas bagi membincangkan soal perpaduan Melayu dan akan menghadirinya dengan fikiran terbuka.

Perdana Menteri berkata, Umno berharap Pas akan bersetuju menumpukan perhatian mengenai soal perpaduan Melayu pada pertemuan pertama itu dan mengadakan perjumpaan susulan bagi isu perpaduan nasional seperti dicadangkan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

Beliau berkata, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob akan berbincang dengan rakan sejawatnya dari Pas, Nasharuddin Mat Isa, mengenai format dan logistik bagi pertemuan itu.

Syed Hamid yang juga Menteri Luar berkata, sudah sampai masanya perpaduan Melayu diberi keutamaan dalam usaha kerajaan menghadapi cabaran globalisasi pada masa depan.

"Kalau kita sendiri saling bertelagah, bagaimana kita bersedia menghadapi cabaran dunia tanpa sempadan pada masa depan.

"Lebih baik kita membentuk satu pakatan dan perpaduan yang erat bagi memastikan negara dalam keadaan aman, stabil dan terus membangun," katanya.

Menjawab soalan adakah orang Melayu mula lari dari Umno, beliau berkata, kekurangan pengundi Melayu menyokong Umno bukan faktor mengapa perpaduan Melayu perlu dibincangkan.

"Pada pilihan raya lalu, Umno mendapat sokongan padu daripada orang Melayu berbanding Pas dan Keadilan.

"Pokoknya bukan soal fahaman politik yang kita tekankan kerana ia milik individu tetapi perpaduan Melayu secara keseluruhan yang menjadi agenda utama kerajaan ketika ini.

"Apa akan jadi kepada anak cucu cicit kita apabila orang Melayu terus berpecah. Apabila kita lemah, orang lain tentu mengambil kesempatan untuk menindas kita," katanya.

(END)